

'Tumpuan utama saya pastikan kemenangan BN'

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 6 Julai - Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tumpuan utamanya sekarang ialah untuk memastikan kemenangan calon Barisan Nasional pada pilihan raya umum dan bukan untuk merebut jawatan dalam parti.

Beliau menegaskan, perjuangannya dalam parti bukan bermatlamat untuk mendapatkan jawatan.

"Tumpuan utama saya sekarang ialah untuk memastikan kemenangan calon BN pada pilihan raya umum akan datang.

"Selepas itu baru saya akan membuat keputusan (bertanding jawatan dalam parti) setelah mengadakan perbincangan dan mendapat restu daripada kaum keluarga dan ahli-ahli parti di bahagian saya," jelasnya kepada para pemberita di sini malam ini.

Beliau ditanya mengenai kenyataan Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Syed Ali Al-Habshee dalam ucapannya yang menyatakan sokongan bahagian itu jika Hishammuddin ingin bertanding jawatan Naib Presiden UMNO.

UMNO Bahagian Cheras merupakan bahagian UMNO yang pertama menyatakan sokongan kepada Hishammuddin untuk bertanding jawatan Naib Presiden UMNO.

Hishammuddin sebelum itu me-

rasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Cheras 2007 di Pusat Rekreasi Cheras, di sini.

Turut hadir Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Syed Ali Al-Habshee; Ketua Pemuda bahagian, Syed Mehdhar Syed Abdullah dan Ketua Puteri, Norlaili Mohamed.

Terdahulu semasa berucap merasmikan persidangan pemuda dan puteri bahagian itu, Hishammuddin menggesa ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Puteri UMNO supaya menunjukkan semangat kerja luar biasa bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya, semangat itu perlu melibatkan semua kawasan termasuk di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang diwakili calon bukan daripada UMNO.

"Kita tidak boleh mengira apa-apa parti sebaliknya harus bekerja dengan cemerlang kerana sekiranya BN kalah, UMNO juga akan turut terjejas," katanya.

Dalam pada itu, kata Hishammuddin, beliau akan mengambil peluang ketika merasmikan persidangan perwakilan Pemuda di negeri-negeri untuk mendedahkan dakyah parti pembangkang khususnya Parti Keadilan Rakyat (PKR).

"Banyak perkara yang akan saya dedahkan dan ini akan dibuat satu persatu sehingga rakyat tidak mahu lagi mengundi pembangkang," katanya.

Perjuangan saya dalam parti bukan bermatlamat untuk mendapatkan jawatan

**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**
Ketua Pemuda UMNO



HISHAMMUDDIN Tun Hussein disambut perwakilan Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Cheras pada persidangan pemuda dan puteri bahagian itu di Pusat Rekreasi Cheras, Kuala Lumpur, malam tadi.